



**TEKS UCAPAN  
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI  
KETUA MENTERI MELAKA  
PADA  
MAJLIS RAMAH MESRA YAB KETUA MENTERI BERSAMA  
PEMIMPIN-PEMIMPIN MASYARAKAT CINA MELAKA  
SEMPENA TAHUN BARU CINA**

**TARIKH: 17 JANUARI 2022 (ISNIN), MASA: 8.30 MALAM  
DI KEDIAMAN RASMI SERI BENDAHARA**

---

Assalammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh;  
Salam Sejahtera, dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat  
Bahagia, Menggamit Dunia.

Terima kasih pengacara majlis;

YB Datuk Zaidi bin Johari,  
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka;

YB Datuk Lim Ban Hong,  
Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan  
Industri (MITI) merangkap Pengerusi Perhubungan MCA  
Negeri Melaka merangkap ADUN Klebang;

YB Tuan Ngwe Hee Sem,  
EXCO Perpaduan, Penerangan, Hubungan Masyarakat,  
Tenaga Kerja dan Hal Ehwal Pengguna;

YB Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong,  
Ahli Dewan Negara merangkap Timbalan Pengerusi  
Perhubungan MCA Negeri Melaka;

YBhg. Datuk Salhah Binti Salleh,  
Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan);

YBhg. Datuk Koh Chin Han,  
Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Majlis Ramah Mesra  
Bersama Pemimpin-Pemimpin Masyarakat Cina Melaka;

YBhg. Datuk Steven Siow,  
Presiden Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina  
Melaka;

YBrs. Encik Jason Tiu,  
Pengerusi Dewan Perhimpunan China Melaka;

Dif-dif Jemputan, Ketua-ketua Jabatan Negeri, Wakil-  
wakil Media, Datuk-datuk, Datin-datin;

Seterusnya, para hadirin dan hadirat, yang tidak dapat saya sebut namanya satu persatu itu, tidak pernah mengurang dan hilang hormat saya kepada anda semua.

1. Apa khabar semua? Ta Jia Hao?
2. Pertamanya, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Jawatankuasa Pengelola kerana berjaya menganjurkan Majlis Ramah Mesra Bersama Pemimpin-pemimpin Masyarakat Cina Melaka sempena Tahun Baru Cina pada hari ini.

3. Bagi pihak kerajaan negeri, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Tahun Baru Cina kepada seluruh masyarakat Tionghua yang meraikannya di Malaysia khususnya di Negeri Melaka pada 1 Februari 2022 akan datang.
  
4. Secara peribadi, saya berasa sangat gembira kerana berpeluang bertemu secara bersemuka dengan pemimpin-pemimpin masyarakat Cina yang mewakili pelbagai spektrum sama ada politik, dewan perniagaan serta NGO hari ini dengan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Tuan-tuan, Puan-puan, saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

5. Sebagaimana kita semua sedia maklum, Dewan Undangan Negeri Melaka telah dibubarkan pada 4 Oktober 2021 yang lalu. Ketika itu, saya yakin, kita semua khususnya pemimpin-pemimpin MCA bekerja keras untuk mendapatkan kembali undi-undi dan kepercayaan daripada masyarakat Cina.
6. Berkat kerja keras, kerjasama dan sokongan pemimpin-pemimpin MCA, MIC, pemimpin-pemimpin masyarakat Cina serta seluruh rakyat

Melaka, saya bersyukur, takdir telah menetapkan bahawa, Kerajaan Barisan Nasional telah kembali diberi mandat oleh rakyat untuk memimpin dan mentadbir negeri ini, bukan lagi dengan 17 kerusi, malah, 21 kerusi Dewan Undangan Negeri.

7. Dengan kemenangan ini, kita jangan terus mendabik dada, tetapi kita perlu insaf, dan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh di samping menggalas amanah dan tanggungjawab besar setelah mandat rakyat diserahkan kembali kepada kita demi kestabilan dan kemakmuran Negeri Melaka.



8. Apatah lagi di kala rakyat sedang susah, kita berdepan dengan ujian demi ujian, dengan pandemiknya, banjir dan sebagainya, yang sudah barang pasti, kita mesti berlumba-lumba bagi menawarkan bantuan dan pertolongan, dalam pelbagai bentuk serta perkhidmatan.

Tuan-tuan, Puan-puan, saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

9. Pada tahun ini, fokus pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka adalah kepada Kecekapan Pelaksanaan untuk kita menunaikan dan melaksanakan aku janji

atau Manifesto “**Kestabilan Demi Kemakmuran**”, yang mempunyai **1 Matlamat, 5 Teras dan 103 inisiatif**.

10. Untuk makluman semua, sebahagian kandungan Manifesto tersebut telah pun mula dilaksanakan melalui Bajet 2022 Negeri Melaka yang bertema “**Stabil Melaka, Makmur Bersama**” dengan **3 Fokus Utama, 10 strategi dan 36 inisiatif**, selain mengemas kini perancangan pembangunan **Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035** supaya selari dengan Manifesto tersebut.

11. Sehubungan dengan itu, melalui penglibatan wakil-wakil semua kaum termasuk masyarakat Cina dalam Kerajaan Negeri, saya berharap agar kita semua dapat sama-sama bersatu hati, menjalankan segala amanah dan tanggungjawab ini demi menunaikan segala aku janji dan amanah yang dipertanggungjawabkan.
  
12. Saya menyeru kepada semua agar sentiasa turun padang, membantu dan mendengar denyut nadi segala permasalahan rakyat tanpa kira kaum dan agama. Kerjasama yang kukuh dan stabil dengan penglibatan semua wakil amat penting agar kita

dapat terus memperkasa dan memperhebatkan Negeri Melaka ini demi kemakmuran kita bersama.

13. Ini adalah masa terbaik untuk kita mendapatkan kembali kepercayaan dan sokongan masyarakat Cina kepada Barisan Nasional (BN) melalui MCA agar kita dapat memastikan masyarakat Cina terus mempunyai suara yang kuat dan kukuh dalam Kerajaan Negeri sebagai lambang perpaduan dalam Keluarga Besar Kerajaan Negeri Melaka dan Keluarga Malaysia.

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

14. Kita bersyukur kerana hidup dalam sebuah negara dan negeri yang bukan sahaja unik, tetapi juga selamat, aman, makmur serta bertoleransi dalam kepelbagaian bangsa dan agama.
  
15. Kerajaan Barisan Nasional sejak lebih 60 tahun lalu, tidak pernah mengabaikan atau meminggirkan masyarakat Cina mahupun kaum-kaum lain kerana Kerajaan Negeri Melaka sentiasa mengambil berat dan mengambil serius terhadap kepentingan dan kehendak masyarakat Tionghua di negeri ini. Saya difahamkan ada beberapa isu yang masih di dalam tindakan Kerajaan Negeri antaranya;-

- Permohonan melanjutkan tempoh pajak tanah termasuk kediaman dan pertanian,
- Pembangunan ekonomi dan kemakmuran Negeri Melaka
- Peruntukan Khas kepada Sekolah Menengah Pay Fong,
- Masalah banjir dan akhir sekali,
- Kemajuan dan Pembangunan Kampung-kampung Baru Cina.

16. Saya yakin, melalui toleransi dan tindakan cekap daripada penglibatan semua pemimpin masyarakat Cina, membolehkan Kerajaan Negeri merancang dan melaksana pembangunan dengan lancar untuk meningkatkan taraf hidup rakyat serta menguruskan semua permasalahan ini dengan baik.

Tuan-tuan, Puan-puan, saudara dan saudari yang saya hormati sekalian,

17. Sekali lagi syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus memastikan penganjuran Majlis Ramah Mesra Bersama

Pemimpin-pemimpin Masyarakat Cina Melaka sempena Tahun Baru Cina ini dapat dilaksanakan dengan teratur dan berjaya mencapai matlamat.

18. Semoga Tahun Baru Cina berzodiak '**Harimau**' ini membawa kedamaian dan kesejahteraan kepada negara, negeri dan rakyat Melaka serta mencetus iltizam dan kekuatan untuk kita mencipta lebih banyak kejayaan di masa hadapan. Apapun, saya suka mengingatkan kepada semua supaya sentiasa mematuhi SOP Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina ini.



19. Akhir kata, Selamat Menyambut Tahun Baru Cina 2022. Gong Xi Fatt Chai. Xin Nian Kuai Le.

Sekian, Terima kasih.

**-TAMAT-**